

ADAKAH ANDA BERADA DALAM ARUS TRANSFORMASI PENDIDIKAN?


Jeya Velu

Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan

Transformasi pendidikan merupakan perubahan dalam sistem pendidikan. Transformasi ini adalah satu proses yang berterusan yang akan meningkatkan kualiti pendidikan dan profesionalisme keguruan.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapan perasmian Program I-Think, transformasi pendidikan dilihat sebagai sesuatu yang amat diperlukan untuk melahirkan generasi muda yang mampu berfikir dan menghadapi cabaran masa depan. Oleh hal yang demikian, Program I-Think telah diperkenalkan sebagai satu usaha untuk menggalakkan pelajar berfikir dan melahirkan generasi muda yang mempunyai kemahiran pemikiran kreatif, inovatif, dan kritis serta mampu menyelesaikan masalah, mempunyai fikiran bernas serta dapat berfikir 'luar dari kotak'.

Sehubungan dengan kepentingan program ini, para pendidik telah pun diberi pendedahan dan kemahiran bagi menjayakan transformasi pendidikan, terutamanya dalam aspek kemahiran berfikir seperti Program Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan Program I-Think. Kunci kepada kejayaan transformasi ini ialah amalan reflektif dalam kalangan pendidik. Amalan ini boleh dilakukan dalam semua aspek yang berkaitan dengan pendidikan. Beberapa aspek pendidikan yang perlu direflek adalah seperti pemikiran atau proses kognitif, proses pengajaran dan pembelajaran, maklum balas, pengukuran, efikasi, perhubungan, skop pembelajaran, kesedaran diri, orientasi, dan telus. Seterusnya, para pendidik juga perlu memikirkan dan menilai tentang amalan masa lampau, amalan sekarang, dan merancang tindakan masa depan selain menentukan hala tuju bagi setiap aspek tersebut. Seharusnya, para pendidik sentiasa bertanya 'Di manakah saya? Ke manakah hala tuju saya?'



"Educational transformation is nothing less than the positive and purposeful transformation of every individual who is involved in education".

Kandungan

A Brief Insight on the Hawaiian Steel Guitar from a Music Educationist's Point of View	2
Definisi Pendidikan Islam: Satu Pengenalan	4
Himpunan Guru Muda 1Malaysia : Aspirasi Pendidik Masa Depan	6
Kemahiran Kominikasi Terhadap Konteks Hubungan Sosial dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	8
Kunci Kejayaan SK Ulu Lubai, Limbang, Sarawak	10
MAEPA 3 Kohot 3 and 4 ICT Skills: Satu Catatan Pengalaman	12
Mengapa Budaya Kualiti Penting?	14
Pembelajaran Koperatif- Pendekatan Berstruktur Jenis "Numbered Heads Together"	15
Pendekatan Penerapan Nilai dalam Organisasi	16
Pendidikan Akhlak dalam Kalangan Anak-anak	18
Pengaruh Pendidik dalam Perkembangan Kanak-kanak Berbakat (The Gifted)	20
Restorative Justice - An Alternative to Punitive Discipline Measures in Malaysian Schools	22
So You Think You are A Qualitative Researcher ? Part 2	24
What so funny?	26



A BRIEF INSIGHT ON THE HAWAIIAN STEEL GUITAR FROM A MUSIC EDUCATIONIST'S POINT OF VIEW

Laura Annie Lalita Rajamoney

Jabatan Pendidikan Muzik



Vintage Hawaiian Steel Guitar


The Origin

The Hawaiian Steel Guitar was accidentally born, so to speak. A Hawaiian lad, named Joseph Kekuku (1874-1932) whilst fixing his Spanish Guitar accidentally slipped his pen-knife on the strings producing a pleasant sound. After a trial and error method, he succeeded, with many experiments (changing tunings and using different types of strings) to get simple chord formations – hence, a new instrument, the Hawaiian Steel Guitar was born. (Philips, S. (2005).)

In the early days, (around the late 1920's) the ordinary Spanish Guitar was strung with a strap around the neck and a metal bar was used to glide the strings on the left hand. The right hand had picks on the thumb and the 2 or 3 adjoining fingers for picking. In modern times, to amplify the sound, a coil is fitted to the guitar and an amplifier is used. For gliding and picking, a stainless steel bar and picks are used. The Hawaiian Steel Guitars are either placed on the lap to play (if they are light in weight) or are mounted on stands (if they are heavy). Some of them are double-necked – each neck having a different tuning (for example C^{9th} tuning and D^{6th} tuning) depending on the Hawaiian Steel Guitarist's choice.

Present Day

A by-product of the Hawaiian Steel Guitar is the Steel Guitar, often used for country music in the United States. Pedals are used for most of these guitars and these pedals are connected to the strings



Hawaiian Steel Guitar Bar

and are placed below the guitars to be pressed, usually by the left leg. As the pedals are pressed, the strings are pulled higher or lower, as the case may be and different chords are produced.

Some Hawaiian Steel guitarists also use this type of Steel Guitar to play music. The Hawaiian Steel Guitar goes well with all types of music including, **Keroncong, Asli**, Rock, Disco and Jazz, besides the traditional Hawaiian Music. One of our very own living local exponents of this instrument is Tan Sri Ahmad Merican. The others who have gone before us are Abdul Majid Yusof, Benedict Soosay, Edwin Rajamoney, Victor Felix and Joe Rozells.

References:

Philips, S. (2005). *Art of Hawaiian steel guitar*. U.S.A. Mel Bay Publications

Ruymar, L. "The Hawaiian Steel Guitar and Its Great Hawaiian Musicians", via Google Books, p. 26. Centerstream Publications, 1996.

Music Jokes and Riddles

- ◆ Why is a piano so hard to open?
- ◆ What's the most musical bone?
- ◆ What makes music on your hair?
- ◆ Where did the music teacher leave her keys?
- ◆ Why do fluorescent lights hum?
- ◆ Why is slippery ice like music?
- ◆ Why was the result when a piano fell down a mine shaft?
- ◆ Why are pirates great singers?
- ◆ What do you get if you cross a serpent and a trumpet?
- ◆ What was stolen from the music store?

Answers are available at : <http://www.enchantedlearning.com/jokes/topics/music.shtml>

DEFINISI PENDIDIKAN ISLAM : SATU PENGENALAN

Zahiah Haris @ Harith, PhD

Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral

Pendahuluan

Pendidikan menjadi isu utama dalam dunia globalisasi. Semua ibu bapa berusaha untuk memastikan anak-anak mereka memperoleh pendidikan yang terbaik. Hal ini memberi kesan kepada para guru dan pentadbir sekolah khususnya dan institusi pendidikan amnya berusaha memastikan pendidikan yang diberikan memenuhi kurikulum yang ditetapkan dan kehendak ibu bapa masa kini. Bagi memastikan pendidikan ini sempurna, ibu bapa semestinya memberi penekanan kepada pendidikan rohani yang amat berkait rapat dengan Pendidikan Islam. Oleh itu artikel ini akan membincangkan definisi Pendidikan Islam sebagai satu pengenalan.

Definisi Pendidikan Islam

Terdapat pelbagai definisi Pendidikan Islam yang diberikan oleh sarjana pendidikan Islam atau sarjana pendidikan barat. Kepelbagaian definisi menunjukkan bahawa pandangan para sarjana adalah berbeza dari pelbagai sudut atau aspek atau dimensi yang berbeza.

Pendidikan Islam adalah gabungan dua perkataan iaitu pendidikan dan Islam yang membawa maksud “subjek yang menjadi alat untuk mendidik manusia kepada ajaran Islam” (Ab. Halim Tamuri dan Kamarul Azmi Jasmi, 2007). Ini bererti kefahaman mengenai agama Islam sewajarnya dikuasai secara menyeluruh. Ianya adalah satu pendidikan yang “bersepadan” dalam erti kata yang sebenar. Kajian yang teliti diperlukan untuk menghuraikan definisi Pendidikan Islam, konsepnya dan matlamatnya. Adapun pendidikan bersepadu dalam Islam bermaksud pendidikan yang menghubungkan prinsip-prinsip mengenal Tuhan, alam dan diri sendiri secara serentak. Pada masa kini konsep bersepadu menjadi asas pendidikan KBSM. Pelaksanaan Pendidikan Islam adalah bergantung pada sejauh mana para perancang dan pendidik memahami falsafah Pendidikan Islam (Zawawi Hj Ahmad, 1994).

Menurut Zawawi Hj Ahmad (1994), sebahagian Sarjana Muslim mendefinisikan Pendidikan Islam sebagai “suatu proses melaksanakan falsafah pendidikan dan menterjemahkannya secara realiti dalam usaha membina insan dan memasyarakatkannya mengikut falsafah Islam yang berasaskan prinsip-prinsip nilai yang dibawa oleh Islam”. Seterusnya Abdul Halim El-Muhammady (1993) berdasarkan pendapat Khursyid Ahmad menyatakan Pendidikan Islam ialah “proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi manusia berasaskan sumber wahyu iaitu al-Quran dan

As-Sunnah, pengalaman Salaf al-Salih serta ilmuan mu'tabar untuk melahirkan insan salih yang mampu memikul tanggungjawab khalifah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah S.W.T. ke atas manusia supaya mengimarahkan alam ini untuk kebahagiaan hidupnya di dunia dan akhirat". Menurut Miqdad Yaljan (1986) menyatakan bahawa Pendidikan Islam ialah proses pelaksanaan falsafah Pendidikan Islam dengan memastikan setiap tindak tanduk, kelakuan, sahsiah dan sikap seseorang muslim sejajar dengan keperibadian yang digariskan oleh falsafah Islam.

Pendidikan Islam dapatlah dirumuskan sebagai alat untuk mendidik pelajar muslim agar menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai dasar dalam kehidupan, mematuhi segala suruhan Allah S.W.T. dan meninggalkan segala laranganNya, mempunyai akhlak yang mulia, menjaga hubungan dengan Penciptanya (*hablumminallah*), hubungan sesama manusia (*hablumminannas*) dan hubungan dengan alam (*hablumminalalam*). Menjalani kehidupan di dunia ini sebagai ladang mencari bekalan dengan beribadah kepada Allah S.W.T. untuk kehidupan yang kekal abadi di akhirat kelak.

Rujukan:

Ab. Halim Tamuri & Kamarul Azmi Jasmi. (2007). *Pendidikan islam: Kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Halim El-Muhammady . (1993). Pendidikan Islam Era 2020: Satu Penghayatan Menyeluruh. *Pendidikan Islam era 2020 Tasawur dan Strategi*. Selangor : Tekno Edar.

Miqdad Yaljan. (1986). *Al-tarbiyyah al-islamiyyah wa ghayatuha*. Riyadh: Mua'sasah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah.

Zawawi Haji Ahmad. (1984). *Pendidikan islam kaedah dan teknik pengajaran*. Petaling Jaya : Internasional Book Service.

Issues for Islamic Schools

Image Building: Enhancing the public perception of Islamic Schools

Keeping the mission alive

Financial stability

Leadership

Attracting, training, and retaining qualified teachers

Curriculum

Lack of a road map

Building bridges, partnerships and networking

Adapted From: Top Ten Hot Issues for Islamic Schools by Necva Ozgur. Available at <http://www.meritcenter.org/images/dynamic/36.pdf>

HIMPUNAN GURU MUDA 1MALAYSIA : ASPIRASI PENDIDIK MASA DEPAN

Norani binti Abd Rahim

Jabatan Pengajian Melayu

Peradaban dan kemajuan sesebuah negara dikatakan sangat berkaitan dengan ketinggian ilmu dan tahap pencapaian akademik rakyatnya. Pendidikan dapat merangsang kreativiti dan inovasi bagi menyediakan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk pasaran kerja semasa mahupun masa depan. Dalam konteks 1Malaysia, melalui pendidikan, rakyat akan lebih matang dan sentiasa berfikir sebelum melakukan sebarang tindakan yang boleh mengguris perasaan kaum lain. Begitulah pentingnya nilai pendidikan kepada pembangunan modal insan untuk kemajuan sesebuah negara. Bagi mencapai hasrat tersebut, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 diperkenalkan bagi menganjukkan transformasi sistem pendidikan negara.

Berdasarkan statistik, sejumlah 49.5 peratus atau 204,254 tenaga guru muda di seluruh negara adalah mereka yang berusia antara 21 dan 35 tahun. Hal ini bermakna kumpulan guru muda di negara ini agak besar dan berperanan penting dalam menentukan kejayaan sistem pendidikan negara terutama membimbing murid-murid menjadi seorang yang berilmu dan berpengetahuan. Tercetusnya Program Himpunan Guru Muda 1Malaysia (GM1M) yang diilhamkan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin baru-baru ini merupakan satu wahana untuk menyampaikan hasrat KPM bagi menjayakan visi negara selari dengan aspirasi konsep 1Malaysia dalam masyarakat majmuk di negara ini. Himpunan GM1M juga dilihat sebagai satu medium kepada pendidik muda bagi membantu melonjakkan transformasi sistem pendidikan negara di samping untuk membina negara bangsa dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Objektif Himpunan GM1M adalah bertujuan merapatkan barisan guru muda untuk bersama-sama KPM dalam memacu dan melaksanakan PPPM seperti yang disasarkan. Selain itu, Himpunan GM1M juga memberi peluang dan ruang kepada mereka untuk menyumbang idea, kreativiti, inovasi, bakat, buah fikiran dan penampilan dalam bidang masing-masing. Himpunan GM1M juga merupakan satu medium kepada semua pendidik muda untuk mendapatkan maklumat serta berkomunikasi dalam suasana profesionalisme.

Antara dasar, isu dan harapan melalui siri penjelasan Himpunan GM1M adalah seperti yang berikut :



BULETIN PENYELIDIKAN

PENYELIDIKAN PENJANA INOVASI

BILANGAN 1, 2013

ISSN: 2232-1853

- ♦ 30 peratus pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh keputusan cemerlang (9A ke atas) dan berminat dengan bidang perguruan diambil sebagai guru pelatih mulai tahun 2013 sebagai satu langkah meningkatkan lagi sistem pendidikan negara.
- ♦ Sejumlah 25 guru Bahasa Inggeris dari Amerika Syarikat akan berkhidmat di Malaysia pada tahun 2013, penambahan daripada sejumlah 50 guru tahun lepas. Guru-guru asing ini terus membantu murid mengikuti pembelajaran Bahasa Inggeris mengikut kemahiran dan standard antarabangsa tanpa mengabaikan budaya tempatan.
- Guru perlu lebih kreatif dan mempunyai idea menarik dan berkesan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di kelas terutama mengaplikasikan kemahiran bernilai tambah kajian masa depan.
- ♦ Pelbagai laluan kerjaya diperkenalkan kepada para guru sama ada peluang kenaikan pangkat secara *timed based* atau laluan pantas guru cemerlang menjadi suatu pilihan yang menarik.
- ♦ Pengajaran dan pembelajaran berasaskan amalan pendekatan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi atau *High Order Thinking Skills* (HOTS) yang sesuai dengan kehendak pembelajaran masa kini perlu diterap segera.
- ♦ Kerajaan akan terus menambahbaik kualiti pendidikan negara secara berterusan seiring dengan peningkatan infrastruktur pendidikan di kawasan luar bandar.
- ♦ KPM memperkenalkan Program Rakan Pembimbing Peningkatan Sekolah (SI Partners) Plus dan Program Jurulatih Khas Peningkatan Sekolah (SISC) Plus di Kedah dan Sabah.
- ♦ Bahasa Inggeris dijadikan subjek wajib lulus pada peringkat peperiksaan SPM dijangka akan dilaksanakan pada 2016 tanpa mengabaikan penggunaan Bahasa Melayu.

Kesimpulannya, guru muda ibarat arkitek yang memegang amanah dan tanggungjawab besar dalam menentukan kejayaan dalam sistem pendidikan. Merekalah yang melonjakkan kualiti sistem pendidikan negara. Guru-guru muda perlu dibajai dengan program-program khusus agar mereka terus berada dalam landasan profesionalisme sebenar demi kejayaan anak bangsa dan negara.

Rujukan

- Berita Harian.(2013). *200,000 guru muda arkitek jayakan pembangunan sistem pendidikan: Muhyiddin*. Kuala Lumpur. Diakses pada 3 April 2013 http://www.bharian.com.my/articles/200_000gurumudaarkitekjayakanpembangunsistempendidikan_Muhyiddin/Article/
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Himpunan Guru Muda 1Malaysia*. Diakses pada 3 April 2013 <http://buletinkpm.blogspot.com/2012/12/himpunan-guru-muda-1malaysia-gm1m.html>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.



KEMAHIRAN KOMUNIKASI TERHADAP KONTEKS HUBUNGAN SOSIAL DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Norliza Abdul Majid PhD

Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan

Sekolah sebagai institusi sosial bertanggungjawab mewujudkan perkembangan sosial dengan menekankan kepentingan komunikasi yang berkesan di dalam bilik darjah. Sebagai suatu proses interaktif, pembelajaran yang berkesan dapat memberi peluang pelajar berinteraksi, bekerjasama, menunaikan tanggungjawab, membina keyakinan diri dan seumpamanya. Pengajaran yang dilakukan dengan menarik dan menyeronokkan, dapat mendorong pelajar menyalurkan fikiran dan pandangan secara berkesan. Melalui komunikasi yang berkesan, penekanan kepada aspek-aspek kemahiran sosial dapat membantu pelajar bertindak balas dengan persekitaran dan mengawal diri dalam menghadapi cabaran bagi mencapai dan meningkatkan kecemerlangan diri. Kemahiran guru berkomunikasi dapat mempengaruhi minat dan tingkah laku pelajar dalam mencorakkan suasana pengajaran yang menarik dan menyeronokkan. Komunikasi yang berkesan sebenarnya memerlukan kesungguhan, pengalaman dan minat terhadap profesion yang diamanahkan. Kemahiran komunikasi bukan sahaja dilihat sebagai faktor yang menentukan keberkesanan sesuatu pengajaran, malahan kebolehan berkomunikasi dengan berkesan dapat membantu guru mengenalpasti tingkah laku pelajar di samping menerapkan nilai-nilai yang positif bagi meningkatkan kemahiran sosial dan emosi pelajar.

Gary (1989), menekankan komunikasi adalah proses memberi makna dan mempengaruhi seseorang untuk mempercayai dan melakukan sesuatu seperti yang dikehendaki. Komunikasi merupakan proses perpindahan pengetahuan, pengertian atau perasaan yang dikongsi bersama melalui mesej yang disampaikan sama ada secara lisan atau bukan lisan (Craig 1999). Guru seharusnya menguasai pelbagai bentuk kemahiran merangkumi kemahiran bertutur, mengawal bilik darjah, teknik pengajaran dan penggunaan komunikasi yang berkesan ketika menyampaikan ilmu pengetahuan. Berkomunikasi di dalam bilik darjah bukan sekadar menyampaikan ilmu tetapi membina hubungan agar dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Abdullah & Ainon (2002), komunikasi berlaku apabila seorang guru menyampaikan pengalaman dan pengetahuannya kepada murid-muridnya. Bagi Hook & Vass (2000), antara ciri-ciri yang dapat menghasilkan kepimpinan bilik darjah yang berkesan adalah guru yang mempunyai kemahiran menghasilkan hubungan yang berkesan. Pengajaran yang merupakan suatu proses komunikasi di antara guru dan pelajar bukan sahaja melibatkan penyampaian pengetahuan atau maklumat, tetapi juga melibatkan hubungan dan pengawalan sosial di dalam bilik darjah. Pendekatan komunikasi bilik darjah seperti penggunaan bahasa yang berkesan, proses interaksi, komunikasi terbuka dan kemahiran lisan merupakan suatu mekanisme hubungan sosial dalam sesuatu organisasi yang menentukan kualiti perkembangan sosial dan kualiti pengajaran (Abd. Rahim, 2003)

Secara keseluruhannya keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dipengaruhi oleh kemahiran komunikasi kerana komunikasi merupakan asas perhubungan di antara guru dan pelajar seperti:

- ♦ Kemahiran bukan lisan merujuk kepada kemahiran deria dan fizikal.

- ♦ Kemahiran menimbulkan daya tarikan terhadap seseorang yang bukan sahaja terletak pada paras rupa tetapi bergantung kepada kemahiran sosial yang dapat memikat seseorang.
- ♦ Kemahiran memberi perhatian seperti kemahiran mendengar dan memberi maklum balas.
- ♦ Kemahiran penggunaan bahasa yang meliputi aspek penguasaan bahasa serta bahasa lisan dan bukan lisan.
- ♦ Kemahiran penggunaan suara yang meliputi aspek ketegasan suara, pengulangan nada suara dan kawalan intonansi suara.
- ♦ Kemahiran mengemukakan soalan untuk mendapatkan tindak balas dan maklum balas pemahaman pelajar.

Rujukan

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2002). *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru*. PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2003). *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah*. Utusan Publications & Distrbutors Sdn Bhd.
- Craig, R. (1999). ‘Communication theory as a field’, *Communication Theory*, 9: 119-61.
- Gary, T.H. (1989). *Communication Skills In The Organization*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Hook, P., & Vass, A., (2000). *Confident classroom leadership*. London: Fulton.



Diadaptasi dari: [http://www.google.com/search?](http://www.google.com/search?q=teacher+talking+cartoon&tbm=isch&tbo=u&source=univ&sa=X&ei=bDfeUdimDaXliAfS54DIC)

[q=teacher+talking+cartoon&tbm=isch&tbo=u&source=univ&sa=X&ei=bDfeUdimDaXliAfS54DIC](http://www.google.com/search?q=teacher+talking+cartoon&tbm=isch&tbo=u&source=univ&sa=X&ei=bDfeUdimDaXliAfS54DIC)

KUNCI KEJAYAAN SK ULU LUBAI, LIMBANG, SARAWAK

Eleanor Ann Tan Lye Neo

Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

Pada 11 dan 12 Oktober 2012, Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan telah menganjurkan lawatan penandaarasan ke SK Ulu Lubai, sebuah Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang terletak 55 kilometer dari bandar Limbang, iaitu sekolah terakhir di hulu Sungai Lubai. Warga sekolah SK Ulu Lubai terdiri daripada guru besarnya, En. Jaul Bunyau, 12 orang guru, 2 orang staf sokongan, 32 orang murid Tahun 1-6, dan 10 orang murid prasekolah. SK Ulu Lubai ialah sekolah pedalaman pertama di negara ini yang diiktiraf sebagai SBT dan menerima anugerah ini pada tahun 2010.

Saya ingin berkongsi rahsia tentang kejayaan sekolah ini yang pernah digelar “Permata Dalam Belantara” (Utusan Online, Februari 18, 2011). Bidang kebitaraan akademik sekolah ini ialah Bahasa Inggeris dan bagi kokurikulum pula, pilihan sekolah ialah olahraga dan kebudayaan.

Apakah kunci kejayaan SK Ulu Lubai? Bagi saya, kuncinya terletak pada pucuk pimpinannya, En. Jaul Bunyau. Menurut The Fortune Group (2013), antara ciri seorang pemimpin yang baik termasuklah mempunyai semangat yang tinggi terhadap organisasinya, memiliki pengetahuan teknikal, membuat keputusan yang bijak, dan berkomunikasi dengan baik. Bagi Prive (2012) pula, seorang pemimpin yang baik mempunyai kualiti seperti berkemampuan mengagihkan kuasa, berkomunikasi, berkeyakinan, mempunyai komitmen, bersikap positif, kreatif, gerak hati, dan memberikan inspirasi. Jelas sekali, En. Jaul mempunyai ciri-ciri yang disebutkan.

En. Jaul amat bersemangat terhadap kemajuan sekolah ini sejak dilantik sebagai guru besar pada tahun 1998. Beliau telah melancarkan pelbagai program untuk meningkatkan tahap pencapaian akademik dan kokurikulum sekolah. Satu daripada program yang menarik minat saya ialah “Ai Kitai”, iaitu semua murid di rumah panjang akan membuat kerja rumah dan ulang kaji setiap malam di ruang legar. Selagi semua murid tidak menyiapkan kerja rumah, semua warga rumah panjang tidak dibenarkan menonton televisyen. Selain “Ai Kitai”, “Program BAHU” (Bacaan Harian Sifir) pula diperkenalkan untuk membasmi buta sifir dalam kalangan murid, dan dibaca dalam bentuk nyanyian setiap hari.

Program BIOTIK (Bacaan Bestari Secara Fonik) dikhususkan untuk murid-murid Tahun Satu yang tidak pernah menghadiri kelas prasekolah. Sementara itu, bagi Program ELIS (*English Language in School*) pula, sekolah ini menganjurkan pelbagai aktiviti seperti *English in Camp*, *Summer Camp*, *Mini English Week*, *Spelling Bee* dan Program Membaca NILAM.

Kreativiti, komitmen, kemampuan membuat keputusan yang bijak serta memberikan inspirasi amat terserlah dalam diri En. Jaul. Beliau sendiri akan melayari internet untuk meneliti program dan pertandingan yang boleh disertai sekolahnya, terutamanya pertandingan yang menawarkan wang tunai sebagai hadiah. Implikasi daripada kesungguhan beliau ini, banyak program seperti menaik taraf kemudahan sekolah dan lawatan ke luar negara dapat dibiayai. Hasilnya, sekolah ini telah meraih anugerah Johan *Commonwealth Education Good Practice Awards* 2009, dan menerima anugerah *UNESCO Wenhui for Education Innovation* 2011. Sekolah ini juga telah menerima pencalonan *UNESCO Education of International Best Practices* 2010. Keseluruhannya, sekolah ini telah menerima 81 anugerah dan pengiktirafan daripada pelbagai pihak.

En. Jaul seorang yang bersikap positif, bijak berkomunikasi dan menurunkan kuasa untuk tugas-tugas tertentu kepada guru dan ibu bapa. Kami dimaklumkan bahawa semua koreografi untuk tarian yang dipersembahkan direka khusus oleh guru sendiri, dengan bantuan video yang dilayari daripada internet. Semua busana dan aksesori disediakan oleh guru dengan bantuan ibubapa. Kelas-kelas di sekolah ini juga dihias dengan bantuan ibu bapa. Bagi En. Jaul, satu daripada kunci kejayaan sekolah ini ialah kerjasama daripada guru dan ibu bapa kerana merekalah yang paling dekat dengan sekolah. Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) sekolah ini mencatat sejarah apabila dinobatkan sebagai PIBG Terbaik Peringkat Daerah, Negeri, dan Kebangsaan untuk sekolah rendah pedalaman untuk tahun 2012.

En. Jaul juga ialah penggerak yang mewujudkan program jalinan dan jaringan antara SK Ulu Lubai dengan institusi pendidikan luar negara, antaranya *Universiti Bristol, United Kingdom (UK), Kingsford Community School, UK, Deptford Green School UK, dan Jin Shan Primary School, Singapore.*

Sesungguhnya, lawatan ini telah membuka mata para pensyarah dan pelajar tentang betapa pentingnya usaha, komitmen serta kerjasama pihak sekolah dan masyarakat ke arah mencapai kejayaan. Diharapkan semoga pengalaman yang ditimba dalam lawatan penandaarasan ini dapat menyuntik semangat yang gigih kepada para pelajar untuk mengharumkan nama sekolah masing-masing apabila mereka tamat pengajian di IPG Kampus Ilmu Khas.

Rujukan

- Orive, T. (2012). *Top 10 qualities that make a great leader*. Retrieved March 20, 2013 from <http://www.forbes.com/sites/tanyaprive/2012/12/19/top-10-qualities-that-make-a-great-leader/>
- Scandura, T.A. & Sharif, M. (2011). "Leadership and organizational change." *Management Faculty Articles and Papers*. Paper 12. Retrieved March 20, 2013 from http://scolarlyrepository.miami.edu/management_articles/12
- The Fortune Group (2013). *Characteristics of a good leader*. Retrieved March 20, 2013 from <http://www.fortunegroup.com.au/characteristics-good-leader>
- Utusan Online.(February 18, 2011). "SK Ulu Lubai – permata dalam belantara". Retrieved March 20, 2013 from http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0218&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm



MAEPA 3 KOHOT 3 AND 4 ICT SKILLS : SATU CATATAN PENGALAMAN

Aliza Adnan, Haslina Hassan, Md Norzamani Abu Hassan
Jabatan Teknologi Pendidikan

Malaysia Australia Education Project for Afghanistan(MAEPA), ialah projek kerjasama Malaysia dan Australia bagi melatih jurulatih utama dari Afghanistan dalam pendidikan guru. Kerjasama tiga hala di antara tiga negara, Malaysia, Australia dan Afghanistan untuk program pendidikan guru-guru Afghanistan telah dipersetujui oleh kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Australia pada 10 Julai 2008. MAEPA adalah program di bawah kelolaan Kementerian Luar Malaysia (MOFA). Program ini disediakan khas untuk 30 peserta dan dibantu oleh 3 penterjemah dari Afghanistan yang bertujuan untuk menambahkan pengetahuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta menggalakkan pembangunan professional kejurulatihan pendidikan guru-guru Afghanistan.

Program selama 14 minggu ini menggunakan modul standard sistem pendidikan Malaysia yang bakal digunakan untuk mendidik generasi muda di Afghanistan. Program kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia, Australia dan Afghanistan itu merupakan satu usaha membangunkan sistem pendidikan di Afghanistan.

Semasa mengendalikan MAEPA 3 Kohot 3 tiada penyelarasan dibuat untuk *Curriculum Framework (CF) ICT SKILLS*, oleh itu modul dibuat di peringkat IPG Ilmu Khas. Oleh itu, bahan pembelajaran yang diberi kepada MTT's MAEPA agak meluas dan memberi lebih pertimbangan kepada bidang penguasaan yang dikenal pasti kelemahannya contohnya memuat turun video dari Youtube untuk dimasukkan dalam MS Power Point.

Kursus *ICT SKILLS* dilaksanakan di makmal komputer KOMPIK. Berpandukan data kompetensi *Ms Word* dan *MsPPT* yang dibekalkan oleh GRM International (Kabul), MTT's diletakkan berpasangan secara kompeten dan non-kompeten. MTT's yang tidak ada pemilikan komputer, kompetensi mereka sangat rendah. Peruntukan masa untuk *ICT SKILLS* adalah 28 jam termasuk 4 jam untuk Ms Excel. Penguasaan MTT's menunjukkan peningkatan selepas 14 minggu diberi pendedahan MS Word dan MS PPT. Berdasarkan Jadual 1, peratus kompetensi MTT's telah meningkat.

Jadual 1: Kompetensi *ICT SKILLS* peserta MAEPA 3 Kohot 3

Kemahiran	Sebelum Kursus	Selepas Kursus
Ms Word 2010	50%	60%
Ms PPT 2010	60%	73.30%

Setelah tamat Kohot 3, pada 16 Julai 2012 IPG Kampus Ilmu Khas telah menerima 28 orang MTT's untuk MAEPA 3 Kohot 4. Untuk Kohot ini peserta telah diasingkan kepada dua kumpulan mengikut tahap kemahiran masing-masing. Module *Curriculum Framework (CF) ICT SKILLS* telah dihasilkan dan diselaraskan di antara IPG Ilmu Khas dan IPG Bahasa Antarabangsa. MTT's yang rendah kompetensi ICT dipasangkan dengan lebih tinggi kompetensi bagi membolehkan mereka

membantu antara satu sama lain. Sebelum latihan diberi skala tertinggi iaitu bagi sangat kompeten adalah seperti pada Jadual 2. Selepas kursus skala sangat kompeten telah meningkat seperti yang tertera dalam Jadual 2.

Jadual 2: Kompetensi *ICT SKILLS* peserta *MAEPA* 3 Kohot 4

Tahap Kemahiran	Item Sangat Kompeten			
	Kumpulan 1		Kumpulan 2	
	Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas
MS Word 2010	33.30%	55.25%	15.00%	66.60%
MS PPT 2010	25.00%	50.25%	10.00%	66.60%

Keseluruhannya kursus ini telah meningkatkan kompetensi *ICT SKILLS MTT's*. Secara tidak langsung MTT'S telah menunjukkan lebih berkeyakinan untuk menggunakan MS Word dan MS Powerpoint sebagai aplikasi dalam menyiapkan tugas yang diberi oleh pensyarah lain. Ini juga dapat dibuktikan dalam persembahan Projek Akhir ICT yang diberikan. MTT'S telah berjaya menghasilkan satu persembahan yang boleh dibanggakan.

Rujukan:

Basir Zahrom (2011). *MAEPA - Malaysia, Australia Bantu Pendidikan Afghanistan*. Berita Harian. Retrieved from <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/MAEPA-MalaysiaAustraliabantupendidikanAfghanistan/Article>

MAEPA 3: Design and Implementation Plan. 31 August 2011. Retrieved 27 February 2013 from <http://www.aisaid.gov.au/Publications/Documents/dafa-III-attachment-a-maepa3-design-implementation-plan.pdf>

ICT

ICT merupakan singkatan untuk "Information and Communication Technology". Kemahiran ICT merujuk kepada kebolehan menggunakan computer untuk menghantar maklumat melalui rangkaian talian tetap atau rangkain telefon tanpa wayar.

Tiga langkah yang terlibat ialah :

- i) menerima maklumat,
- ii) Menyimpan
- iii) membentuk semula maklumat tersebut.

Istilah 'digital' sering digunakan dalam domain ICT. Aplikasi ICT yang sering digunakan oleh guru ialah internet dan email.



MENGAPA BUDAYA KUALITI PENTING?

Mohamad Zakaria Bin Mat Khazani, PhD

Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan

Dalam sesebuah organisasi, baik sektor awam mahupun sektor swasta tiada apa yang boleh dibanggakan sekiranya ahli dalamnya tidak menunjukkan kualiti dalam proses kerja mereka. Semua tahu, proses kerja dalam sesebuah organisasi inilah yang akan mencerminkan *output* atau hasil produknya. Kualiti boleh ditakrifkan sebagai suatu keadaan terbaik yang dihasilkan, suatu tanggapan dapat dibuat bahawa kualiti sewajarnya dijadikan asas penting yang mendasari nilai-nilai, *rites and ritual* sesebuah korporat atau sesebuah organisasi awam (Daft, 2006).

Terdapat beberapa isu apabila membincangkan berkenaan dengan budaya kualiti. Apa yang dimusykilkan adalah apabila sesebuah organisasi menekankan lebih kepada kualiti maka berlaku pula kurang kuantitinya dan apabila penekanan diberikan kepada proses, hasilnya pula berkurang. Adakah ini merupakan kegagalan dalam pencapaian perubahan sikap atau pencapaian perubahan budaya organisasi? Kefahaman perlu wujud bahawa unsur kualiti bukan sahaja diukur ke atas produk yang dihasilkan, malahan ianya merangkumi kualiti secara total seperti kualiti sumber manusia yang bekerja itu sendiri, kualiti persekitaran kerja dan kualiti kepemimpinan. Justeru kualiti menjadi inspirasi dan daya penggerak utama setiap anggota organisasi.

Dalam sektor pendidikan misalnya, Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) pada 10 Januari 2013. Dalam mencapai semua hasrat yang digariskan, perkara penting ialah budaya kerja warga pendidik. Budaya memainkan peranan penting dalam pengurusan yang hendak dilakukan. Bagaimana mereka yakni warga pendidik menterjemahkan maklumat dan bagaimana mereka bertindak ke atas apa sahaja perubahan yang berlaku di luar organisasi. Tahukah kita bahawa budaya memainkan peranan ke arah merangsang kita untuk berfikir, merancang dan seterusnya mengimplimentasi apa yang dirancang? Ingat! dalam hal ini, manusia (wakil dalam organisasi) itu sendiri perlu berubah sebelum semua dasar yang dirancang boleh berubah. Transformasi dalam PPPM boleh menjadi kenyataan sekiranya sikap dan tingkahlaku warga yang mencorakkannya berubah.

Apakah harapan pengurusan terhadap pekerja?, Apakah pula harapan pekerja terhadap pengurusan?, Kedua-dua menyumbang kepada budaya organisasi. *Grapvine* atau 'cakap-cakap' antara pekerja dengan pekerja adalah unsur terpenting yang boleh menguatkan atau meruntuhkan sesebuah budaya organisasi. Faktor-faktor ini menentukan sama ada akan membantu atau memusnahkan struktur organisasi itu sendiri. Sekiranya pihak pengurusan mengamalkan atau membiasakan pekerja dengan kepercayaan, hormat-menghormati dan kemuliaan maka pekerja akan lebih suka mengamalkan sikap-sikap sedemikian semasa berinteraksi sesama mereka setiap hari. Begitu jugalah sebaliknya.

Adalah diharapkan semoga garapan ringkas kali ini membuka minda kita warga pendidik untuk memulakan proses minda supaya berfikir sejenak bahawasanya, berlakukah transformasi sekiranya kita sendiri tidak mahu berubah atau sukar untuk berubah?

Rujukan


Daft, R. L. (2006). *Organization Theory and Design (5rd Edition)*. West Publishing Co. New York.

PEMBELAJARAN KOPERATIF - PENDEKATAN BERSTRUKTUR JENIS “NUMBERED HEADS TOGETHER”

Ong Eng Sing @ Peter Ong
Jabatan Pendidikan Muzik

Pembelajaran koperatif secara pendekatan berstruktur merupakan suatu pendekatan yang berdasarkan definisi dan kegunaan pelbagai cara yang unik yang dipanggil struktur untuk mengurus interaksi murid dalam sesebuah kelas (Kagan, 1992). Struktur merupakan satu kaedah yang bebas isi kandungan (*content-free*) untuk mengurus interaksi individu di bilik darjah.

Struktur-struktur seperti *Numbered Heads Together*, *Think-Pair-Share*, dan *Inside-Outside Circle* yang dipelopori oleh Kagan (1992) memupuk kerjasama dan saling bergantung secara positif.



Numbered Heads Together merupakan satu struktur koperatif empat langkah yang mudah dan menyeronokkan seperti mana yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Empat langkah utama dalam NHT ialah (1) ahli-ahli dalam kumpulan menomborkan diri masing-masing; (2) guru mengajukan satu soalan atau masalah; (3) guru mengumumkan “kepala-kepala bersama” (*heads together*) dan ahli-ahli dalam setiap kumpulan merapatkan kepala-kepala bersama seperti yang ditunjukkan dalam

gambar dalam Rajah 2 dan membincang jawapan atau penyelesaian kepada masalah tersebut; dan (4) guru memanggil satu nombor dan secara serentak, semua ahli dengan nombor tersebut akan menuliskan jawapan pada helaian kertas atau papan kecil serta memaparkan jawapan tersebut dengan menaikkannya di atas kepala dengan kedua-dua belah tangan.

Mengikut Kagan (1992), kejayaan NHT, terletak pada empat prinsip utama, yakni saling bergantung secara positif (*positive interdependence*), akauntabiliti individu (*individual accountability*), penyertaan saksama (*equal participation*), dan interaksi serentak (*simultaneous interaction*). Saling bergantung secara positif berlaku apabila setiap ahli kumpulan saling membantu dalam menyelesaikan masalah yang diberikan. Di samping itu, kejayaan seseorang ahli merupakan kejayaan bersama untuk semua ahli yang lain dalam sesuatu kumpulan tersebut. Akauntabiliti individu berlaku apabila mana-mana seseorang ahli boleh dipanggil untuk menjawab soalan dan ahli tersebut juga harus menjawab dalam khalayak ramai. Mengikut Kagan (1992), khalayak ramai di sini bermaksud di hadapan sekurang-kurangnya seorang ahli yang lain. Penyertaan saksama pula berlaku apabila semua kepala bersama untuk membincang dan memberi pendapat dalam usaha untuk menyelesaikan masalah yang diberi oleh guru. Interaksi serentak pula beroperasi apabila sesuatu kumpulan sedang berinteraksi, kumpulan-kumpulan yang lain juga sedang berinteraksi dalam masa yang serentak.



Rujukan

- Kagan, S. (1992). *Cooperative learning*. San Juan Capistrano, CA: Kagan Cooperative Learning.
- Kagan, S. (2001). Kagan structures: Research and rationale. *Kagan online magazine*, Winter. Retrieved February 28, 2013, from http://www.kaganonline.com/free_articles/research_and_rationale/

PENDEKATAN PENERAPAN NILAI DALAM ORGANISASI

Mohd. Khamdani bin Sairi PhD
Jabatan Sains Sukan

PENGENALAN

Nilai ialah idea tentang kepentingan, faedah, mutu dan fenomena yang terdapat dan berlaku di dalam alam semesta ini. Nilai ialah aspek kualitatif dan subjektif hasil pertimbangan pemikiran dan emosi manusia tentang pengalamannya dalam proses interaksi dengan alam sekitar dan masyarakat manusia (Sufean 2002). Ab. Halim (2005), menyatakan bahawa dari sudut pandangan Islam, nilai seringkali dikaitkan dengan istilah akhlak. Beliau telah merumuskan bahawa akhlak ialah satu keadaan dalaman yang melahirkan tindakan atau mempengaruhi kelakuan seseorang manusia. Nilai dan etika dalam perkhidmatan awam Malaysia adalah cermin dan tauladan kepada masyarakat Malaysia khususnya dalam konteks kerjaya.

PENDEKATAN PENERAPAN NILAI DALAM ORGANISASI

Dalam perkhidmatan awam, nilai dilihat sebagai satu unsur yang sangat penting dalam pentadbiran dan pengurusan. Sehubungan itu kerajaan telah melancarkan penerapan nilai dalam perkhidmatan awam untuk memantap dan mewujudkan pentadbiran yang lebih berkesan dan telus. Sistem nilai dalam pentadbiran perkhidmatan awam telah diterjemahkan melalui program-program perubahan struktur dan sistem, kempen, penguatkuasaan, pematuhan peraturan perkhidmatan dan pengeluaran pekeliling kerajaan (Malek Shah & Nor Shah, 2002).

Menurut Thomas (1997), organisasi yang ingin mencapai kecemerlangan hendaklah memberikan fokus kepada sikap yang merujuk kepada nilai asas dan kepercayaan, berterusan meningkatkan kemajuan dan kreatif. Adalah diyakini bahawa antara faktor penyumbang atas pencapaian yang dikecapi oleh sesebuah organisasi perkhidmatan awam kini ialah kesan daripada pengaruh kuat sistem nilai yang diamalkan dalam perkhidmatan awam keseluruhannya. Menurut beliau nilai bersama merupakan asas kepada pembentukan sikap, tanggapan, motivasi dan personaliti. Norhayati (2002) dalam kajiannya tentang penerapan nilai dalam kalangan pensyarah menjelaskan bahawa perlunya untuk menjalankan program formal atau tidak formal antara pelajar, kakitangan dan pensyarah contohnya usrah, kolukium, perbincangan, ziarah dan hari keluarga. Pertemuan begini lama kelamaan dapat menjalin hubungan yang baik dan menghargai antara satu sama lain.

Malek Shah dan Nor Shah (2002), menjelaskan bahawa pengurusan berasaskan nilai merupakan satu pendekatan yang menyandarkan aspek-aspek nilai dalam praktis pengurusan organisasi. Nilai yang dianggap sebagai satu disiplin yang tersendiri bertujuan untuk membentuk akhlak yang baik kini telah dijadikan sebagai satu faktor kepada pembentukan sikap dan tingkah laku yang berseesuaian dengan tugas yang dijalankan. Suntikan nilai-nilai murni dalam pengurusan dan organisasi dapat menjamin kualiti pekerja serta kualiti barangan dan perkhidmatan yang disampaikan. Suntikan ini lebih terjamin akan hasilnya sekiranya diasaskan kepada agama. Malahan segala aspek praktis pengurusan yang diselaputi dengan nilai positif akan dapat meningkatkan kecemerlangan dan prestasi individu serta organisasi. Amalan ini merupakan satu pegangan bersama oleh semua ahli di dalam warga organisasi tersebut. Sekiranya ia dipadankan kepada falsafah, visi dan misi

Organisasi dan dirangka serta diterapkan oleh pihak pengurusan secara rasmi, maka etos kerja tersebut boleh diadun dalam bentuk budaya korporat.

Kesimpulannya, sesuai dengan peranannya sebagai instrumen terpenting pembangunan negara, pembudayaan nilai-nilai dalam organisasi sentiasa ditingkatkan dalam segala aspek pengurusannya. Kerajaan telah berada di landasan yang betul dalam usaha-usaha penerapan nilai-nilai melalui pembaharuan pentadbiran yang telah dimulakan sejak merdeka lagi. Walaupun tidak dilabelkan sebagai gagasan memperkasa nilai-nilai, falsafah tersebut sebenarnya telah terpancar dalam setiap usaha pembaharuan yang dilaksanakan.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri. (2005). Cabaran pendidikan nilai dalam pembangunan insan di Malaysia. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau UKM-UNRI ke-2*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 4-5 Mac 2005.
- Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). (1992). *Tonggak dua belas (The Twelve Pillars)*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Law, L.Y.S.; Walker, A. & Dimmock, C. (2003). The influence of principals' values on their perception and management of school problems. *Journal of Educational Administration* 41 (5): 498-523.
- Malek Shah b. Hj Mohd. Yusof & Nor Shah b. Mohamed. (2002). Gagasan pembentukan pengurusan berasaskan nilai (value base management) dalam perkhidmatan awam. *Jurnal Pengurusan Awam* 1(1): 1-18.

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ditubuhkan pada 1 April 2011 selaras dengan kuat kuasanya Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700). Seksyen 4(1) Akta 700 memperuntukkan lapan (8) fungsi utama Suruhanjaya ini iaitu, secara ringkasnya:-

- (a) menerima dan menyiasat aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan;
- (b) mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku;
- (c) melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku;
- (d) mengaudit dan memantau aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan;
- (e) menggalakkan kesedaran, menambah baik dan memupuk amalan integriti di dalam sesuatu agensi penguatkuasaan;
- (f) membantu Kerajaan dalam menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;
- (g) mengkaji apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat syor berhubung dengannya; dan
- (h) membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan dan membuat syor berhubung dengannya.

Sumber: <http://eaic.bpa.jpm.my/eApps/system/index.do?showPage=faq> (dicapai pada 11 Julai 2013)

PENDIDIKAN AKHLAK DALAM KALANGAN ANAK-ANAK

Mohd Zainal Abidin bin Che Mood
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral

Sejarah dunia telah membuktikan kehancuran sesebuah tamadun manusia berhubung rapat dengan kemerosotan akhlak dan nilai kemanusiaan sejagat yang menguasai dan mendindingi masyarakat itu. Manakala sistem pendidikan yang mantap dan disertai dengan pendekatan pendidikan ibubapa terhadap anak-anak mampu melahirkan generasi yang berguna dan berakhlak.

Ahmad Norhisham (2004), membuat kajian berkenaan dengan pembentukan sahsiah. Beliau memfokuskan pembinaan sahsiah dan membuat rumusan bahawa sahsiah manusia boleh dibentuk dan dibangunkan kerana Allah S.W.T. telah menganugerahkan potensi kepada setiap individu. Program pembinaan sahsiah mestilah dimulakan semenjak pemilihan pasangan lagi dan berterusan dengan mendidik anak-anak ketika mereka masih bayi hinggalah ke akhir hayat.

Kajian Nik Zaiton (2006), menyatakan bahawa ibubapa di Kota Bharu mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap peranan yang perlu dimainkan dalam proses pembentukan akhlak anak-anak mereka. Pendekatan yang digunakan adalah lebih kepada memberi galakan dan dorongan berbanding dengan pendekatan menghukum.

Pendapat di atas disokong oleh Ummy Khalthum Abdul (1995) dalam kajiannya, mendapati anak-anak yang kurang menghormati ibubapa. Mereka bersikap acuh tidak acuh dengan teguran dan merasa besar diri tanpa menyedari bahawa pemikiran mereka belum sempurna untuk menilai sesuatu antara baik atau sebaliknya.

Menurut Fariyah Hussain (2006), ibubapa hendaklah memainkan peranan yang penting untuk memberi didikan agama yang betul kepada anak-anak mereka. Nilai agama harus diterapkan kepada anak-anak meliputi aspek rohani, jasmani, akal dan akhlak. Apabila semua aspek ini dididik dengan sempurna, anak-anak akan dapat menjalani hidup secara sihat dan harmonis sesuai dengan kehendak agama. Didikan yang seimbang akan melahirkan remaja cemerlang.

Pendapat ini juga disokong oleh Wan Norasiah Wan Ismail (2006), mendapati bahawa antara faktor berlakunya masalah keruntuhan akhlak disebabkan oleh :

- ♦ inginkan keseronokan yang berlebihan
- ♦ kegagalan ibubapa menerapkan nilai-nilai agama dan moral yang kukuh dalam diri anak-anak
- ♦ terpengaruh dengan rakan sebaya, ia berkait rapat dengan kegagalan ibubapa membina sebuah rumahtangga yang bahagia sehingga menyebabkan anak-anak memenuhi kekosongan diri di luar rumah seterusnya terlibat dengan pelacuran dan pengedaran dadah
- ♦ terpengaruh dengan media massa
- ♦ terpengaruh dengan gaya hidup penyanyi dan pelakon pujaan mereka

Kesimpulannya, dapatan daripada pengkaji-pengkaji lepas seperti Ahmad Norhisham, 2004; Nik Zaiton Mohammad Noor, 2006; dan Ummy Khalthum Abdul, 1995 menunjukkan bahawa pendekatan pendidikan akhlak ibu bapa terhadap anak-anak mereka merupakan faktor penting untuk menjadikan anak lebih cemerlang.

Rujukan :

Ahmad Norisham bin Abd. Halim (2004). *Program pembinaan sahsiah (PPS) di sekolah menengah agama Saniah Pasir Puteh Kelantan*. Disertasi Sarjana Usuluddin yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

Nik Zaiton binti Mohammad Noor (2006). *Pembentukan akhlak anak-anak dalam keluarga menurut pandangan Islam: Suatu kajian di Kota Bharu, Kelantan*. Disertasi Sarjana Syariah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

Ummi Khalthum bt Abdul (1995). *Keruntuhan moral remaja: Suatu kajian tentang peranan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di Petaling Jaya*. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

Fariyah binti Hussain (2006). *Keruntuhan akhlak di kalangan remaja: Suatu kajian di Alor Star*. Disertasi Sarjana Usuluddin yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

PENDIDIKAN MORAL MALAYSIA

PRINSIP-PRINSIP UTAMA	
- Bertanggungjawab pada diri, keluarga dan orang lain; - Berpegang teguh pada ajaran agama; - Prihatin kepada alam sekitar; - Mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup; - Bersemangat patriotik; - Menghormati hak asasi manusia; dan - Mengamalkan prinsip demokrasi dalam kehidupan.	
OBJEKTIF	
Memahami dan menghayati nilai-nilai murni masyarakat Malaysia;	Meningkatkan amalan budi pekerti mulia;
Menyedari dan menerima kepentingan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan hidup dalam perhubungan diri dengan keluarga, masyarakat, negara serta alam sekitar;	Mengembangkan pemikiran moral, perasaan moral dan amalan moral dalam membuat sesuatu pertimbangan dan keputusan yang selaras dengan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia
BIDANG PEMBELAJARAN	
- Nilai berkaitan dengan Perkembangan Diri - Nilai berkaitan dengan Diri dan Keluarga - Nilai berkaitan dengan Diri dan Masyarakat - Nilai berkaitan dengan Diri dan Alam Sekitar - Nilai berkaitan dengan Diri dan Negara	

PENGARUH PENDIDIK DALAM PERKEMBANGAN KANAK-KANAK BERBAKAT (THE GIFTED)

Ahmad Amir Khan Shah Bin Ahmad @ Mohammed

Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral

Pendahuluan

Memperkatakan sekolah sebagai alat atau pemangkin kepada pengembangan bakat yang dimiliki oleh seseorang adalah sangat umum. Kita mengetahui bahawa sekolah merupakan sebuah organisasi yang besar dan mempunyai pelbagai elemen yang menjadikannya sebagai sebuah sekolah yang berfungsi. Setiap elemen ini harus bekerjasama seperti sebuah keluarga (Barone & Schneider, 2003).

Keberkesanan Tenaga Pendidik

Seorang pengajar dilihat berjaya apabila pelajar-pelajar dapat menerima yang disampaikan oleh pengajar atau guru tersebut. Dalam proses ini, pelbagai teknik akan digunakan oleh guru bagi memudahkan penyampaian tersebut. Begitu juga dengan pendidikan yang khusus untuk kanak-kanak berbakat. Kelebihan yang dimiliki menyebabkan mereka berbeza dengan kanak-kanak yang lain. Oleh itu, kurikulum juga amat berbeza dengan kurikulum di sekolah-sekolah biasa. Inilah yang menjadi cabaran kepada guru-guru yang mengajar kanak-kanak berbakat (Carol J. Mills, 2003). Sememangnya adalah bagus sekiranya guru-guru yang mengajar kanak-kanak berbakat adalah terdiri daripada mereka yang berbakat sama ada dari segi personaliti dan aspek lain. (Carol J. Mills, 2003). Hal ini banyak membantu perkembangan kanak-kanak berbakat kerana guru akan dapat mengenal pasti bakat kanak-kanak tersebut dan seterusnya membantu mereka. Walaupun bilangan guru mungkin tidak mencukupi berbanding bilangan kanak-kanak berbakat di sekolah-sekolah, masih terdapat program-program tertentu yang melatih para guru untuk berhadapan dengan kanak-kanak berbakat di sekolah. Melalui program yang diberikan, para guru mampu mengawal kanak-kanak berbakat yang berbeza pemikiran (Mills, 2003).

Di samping itu, guru sebenarnya merupakan orang terpenting dalam membantu perkembangan kanak-kanak berbakat selepas daripada ibu bapa. Perhatian, sokongan dan bantuan yang diberikan oleh guru kepada para pelajar juga merupakan satu bentuk dorongan. Dorongan ini tidaklah terhad pada waktu persekolahan tetapi juga luar di waktu persekolahan seperti berjumpa dengan keluarga pelajar (Barone & Schneider, 2003). Kadang-kala apabila guru melihat seseorang pelajar mampu untuk belajar lebih daripada sukatan pelajaran, guru dapat mengembangkan lagi potensi pelajar dengan mengajar bahan yang lebih mencabar, tetapi tindakan ini selalu berisiko kerana tidak mengikut apa yang ditetapkan (Barone & Schneider, 2003). Oleh itu, untuk memperkembangkan bakat seharusnya kurikulum kanak-kanak berbakat perlulah berbeza dengan kanak-kanak normal untuk mengelak perasaan jemu dalam proses pembelajaran.

Penutup

Kesimpulannya, para pendidik seharusnya cakna dengan perkembangan para pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Ini juga dapat mengelakkan mereka merasa diri mereka terpinggir kerana menganggap bakat mereka tidak bernilai (Rayneri, Gerber & Wiley, 2006).

Rujukan :

Barone, D & Schneider, R. (2003), Turning The Looking Glass Inside Out: A Gifted Student In A At-Risk Setting, *Gifted Child Quarterly*, 47

Mills, C.J. (2003), Characteristics Of Effective Teachers Of Gifted Student: Teacher Background And Personality Style Of Student, *Gifted Child Quarterly*, 47

Rayneri, L.J, Gerber, B.L & Wiley, L.P, (2006), The Relationship Between Classroom Environment And The Learning Style Preferences Of Gifted Middle School Students And The Impact On Levels Of Performance, *Gifted Child Quarterly*, 50



National Association for Gifted Children, Malaysia

To advocate the needs of gifted children in Malaysia, The National Association for Gifted Children (NAGC) was established in 1987. It was founded by the Symposium and Workshop organizing committee from the Faculty of Education, University of Malaya and the Malaysian Mensa Society, together with the parents, teachers and others who attended the Symposium and Workshop.

It provides support for parents of children with high learning potential regardless of circumstance, age and background. Membership is open to the public who are 18 years and above. Children who are gifted, under the age of 18, are allowed to use its facilities.

The objectives of NAGC are

- i. To serve as a public advocate for the needs of gifted children.
- ii. To provide opportunities for parents of gifted children to meet, share and discuss their problems and to consult specialists on education and other matters.
- iii. To promote research and development of the nature and education of gifted children.
- iv. To disseminate information to educationists, parents and the general public concerning the nature and education of gifted children.
- v. To encourage and assist the development of local and state organizations to support the education of gifted children.

To achieve its aim, NAGC organises conferences and courses related to gifted children. NAGC is currently located at 81-6-6, Resource Springs Apartments Jalan Air Panas, 53200, Kuala Lumpur 53200, Malaysia.

Source: Adapted from <http://nagcmalaysia.wordpress.com/membership/contact-us/> (accessed 22 July 2013)

RESTORATIVE JUSTICE- AN ALTERNATIVE TO PUNITIVE DISCIPLINE MEASURES IN MALAYSIAN SCHOOLS

Santhi Periasamy

Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan

Restorative justice is an age-old practice of instilling discipline where focus is given to repairing harm, restoring well-being and maintaining relationships when an offence is committed. Restorative justice originated from the American Indian and Alaskan Native (AI/AN) cultures and also the indigenous cultures in Canada, Australia, and New Zealand. Today this practice is widely used in schools in Australia, New Zealand, Europe, and the United States. It has been noticed that in these schools, students, teachers, administrators, and communities are experiencing the benefits of this system where it potentially empowers all stakeholders in creating transformative powers and life skills that can be gained from restorative justice practices.

Why should schools use restorative justice?

Why should school systems adapt the restorative justice approach in solving disciplinary problems? In Malaysia, like many other countries, schools practice the disciplinary policies of zero tolerance and punitive measures, where only the offender of a crime is dealt with, creating a case where his/her wrongdoing is highlighted in order for him/her to serve the most warranted punishment. This practice adopts a fire-fighting approach rather than a long term restorative one. Research shows that these policies do not improve school climate. In fact, such policies can actually hinder academic achievement and increase both disciplinary problems and dropout rates (Graves & Mirsky, 2007).

In Malaysia it was reported that in 2010, there was a total of 111,484 students who were involved in discipline cases of which 72,557 were students from secondary schools and 38,927 were from primary schools. Of the cases recorded 17 595 involved crime, 19 545 involved truancy, 3031 involved porn, 5212 involved vandalism and there were 8 563 cases involving other discipline problems. In the year 2011, there were a total of 108 650 cases recorded. These are huge numbers within these numbers lies the potential dropouts and those who may fit the criteria of being suspended or expelled from schools. When these students are subjected to the punitive discipline measures their wrongdoings are only addressed through means of punishing the doer immaterial of whether he or she is given a chance to be heard and is provided with what's needed to make him or her repent. Instead of extending inclusion to these students through amicable approaches and strategies, these students are pushed further into ills that could have very well been avoided.

Restorative justice emphasizes values of empathy, respect, honesty, acceptance, responsibility, and accountability. Restorative justice upholds the tenet that schools are safe environments which besides equipping children with academic knowledge and skills also place a great emphasis on the cultivation of values and social norms. Restorative justice makes provisions for a supportive environment that can improve learning. It also gives great importance to handling offences in a way that will prevent future harm. Most importantly it offers a variety of alternatives to suspension and expulsion which are the two main factors that contributes to further damage on students' character and personality development.

In contrast, punitive disciplinary responses, cause resentment rather than reflection and rarely considered fair by the offenders. Punitive measures also do not address the need for healthy

relationships to be maintained after disciplinary issues are dealt with. Those who are labelled as wrongdoers somehow carry a stigma upon themselves which leaves them feeling frustrated and depressed which may cause further alienation on their part.

Hence the school discipline system should have provisions for the offender to

- ◆ tell their side of the story and feel heard
- ◆ to reflect on how and why the situation happened
- ◆ to know how such situations can be avoided in the future
- ◆ to feel understood and accepted by all parties
- ◆ to be able to move forward with confidence and high spirits

In a nutshell, the implementation of restorative justice in schools will invariably serve as an unchallenged route in educating children towards becoming worthy human capitals and a part of a value driven society. Such a system will be more appropriate in nurturing and moulding students to achieve the thrusts enshrined in the Malaysian National Philosophy of Education.

Reference:

Graves, D., & Mirsky, L. (2007, September 5). American psychological association report challenges school zero tolerance policies and recommends restorative justice. *Restorative Practices E-Forum*. Retrieved February 27, 2009, from <http://www.safersanerschools.org/library/apareport.html>

National Center for Restorative Justice in Youth Settings. (2012). *Transforming Conflicts*. Newton, MA: Education Development Center, Inc

KUASA GURU MEROTAN MURID

Kuasa merotan murid telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan sejak sekian lama. Kuasa merotan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan berasaskan peruntukan yang disediakan dalam PERATURAN-PERATURAN PELAJARAN (DISIPLIN SEKOLAH) 1959, di bawah ORDINAN PELAJARAN 1957. Dalam PERATURAN 6 dinyatakan dengan jelas bahawa :

Peraturan 6 :

Guru Besar sesebuah sekolah boleh dari semasa ke semasa, tertakluk kepada apa-apa syarat dan hal yang difikirkannya patut, mewakili kuasa disiplin sekolah dan kuasa menjalankan hukum kepada guru-guru lain di sekolah itu atau kepada murid-murid yang ditetapkan olehnya bagi maksud itu, tetapi kecuali yang disebut di atas tidak seorang pun guru atau murid boleh menjalankan kuasa itu melainkan dengan arahan tertentu:

Sedutan daripada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003

SO YOU THINK YOU ARE A QUALITATIVE RESEARCHER? PART 2

Norherani Moning

English Studies Department

The Researcher as Instrument

The qualitative study requires the researcher to be the primary instrument (Marshall and Rossman, 1995; Merriam, 1998). Data is collected, processed and analyzed by the researcher. This role enables the researcher to be immediately responsive to the research environment, adapt and employ techniques with regards to the situation, develop what was discovered about the situation which could arise from the sensitivity of the researcher through observations and interviews, allowing the researcher to explore irregularities without delay (Merriam, 2002). At the heart of the inquiry is the researcher's ability for encountering, listening, understanding, and hence experiencing the phenomenon under study. It is this ability that enables the researcher to see significant aspects that provides unique and personal insights into the experience (Piantanida & Garman, 1999).

Reflection - an important attribute the qualitative researcher

Piantanida and Garman (1999), suggest that the 'self' in the researcher has to be reflective; only through reflection can the researcher be sensitive to specific and significant aspects of contextualised experience. These include reflection as recollection, which entails being able to recollect a detail account of the encountered event or experience. The next type of reflection is reflection as introspection where the researcher has to examine mental and emotional responses towards the phenomenon under study. Piantanida and Garman (1999), suggest that a number of techniques could be practised for introspective reflection, for example keeping a record extended and detailed field notes. Another approach is to write 'memos' or keeping a verbal record of introspective reflection. To maintain an introspective reflection the researcher will need to record verbal field notes. The final type of reflection for the interpretive enquirer is to be able to conceptualise drawing together the formal knowledge to reconstruct the meaning of experiences with the phenomenon under study. Eisner (1998: 46) mentioned that what the researcher discovers is as important as what the researcher brings into the research depending on self-sensitivity to see with "an enlightened eye".

Researcher's biases

The issue of subjectivity and objectivity can be curtailed if the framework that governs the study has minimum biases (Eisner & Peshkin, 2002). Merriam (2002: 5) expounds that the researcher should "identify and monitor these biases and subjectivities as to how they may be shaping the collection and interpretation of data." In qualitative research the issues of subjectivity and values are a necessary part of human interaction and cannot be controlled. Thus the researcher has to define and examine her/his own subjectivity that might shape or influence the research or otherwise called "reflexivity" (Ezzy, 2002). This will enable the reader to ascertain the researcher's values, background and the research agenda.


The researcher has to maintain a judicious balance between personal backgrounds and remained objective in the research, which she/he could only acquire with a firm and disciplined research framework and ethical rigor. Rigor and ethics are the strength in any qualitative inquiry; how one

maintains to deal with validity and reliability will also be able to indicate assumptions and biases within the research itself and the researcher.

References

- Eisner, E. W. (1998). *The Enlightened Eye*. Upper Saddle River, NJ: Merrill.
- Eisner, E. W. & Peshkin, A. (2002). (ed) *Qualitative Inquiry in Education: the Continuing Debate*. New York, London: Teachers College Press.
- Ezzy, D. (2002). *Qualitative Analysis. Practice and innovation*. Routledge.
- Marshall, C. & Rossman, G.B. (1999). *Designing Qualitative Research*. (3rd ed). Thousand Oaks : Sage Publications.
- Merriam, S.B. & Associates (2002) *Qualitative Research in Practice: Examples for Discussion and Analyses*, San Francisco: Jossey-Bass
- Piantanida, M. & Garman, N.B. (1999) *The Qualitative Dissertation. A guide for students and Faculty* Corwin Press Inc. Sage Publications

TIPS FOR INTERVIEW



Adapted from: Jacob & Furgerson, (2012), The Qualitative Report 2012 Volume 17, T&L Art. 6, 1-10
 (Accessed: <http://www.nova.edu/ssss/QR/QR17/jacob.pdf>)

What is so funny?

Ramesh Rao, PhD

Jabatan Penyelidikan Dan Inovasi Profesionalisme Keguruan

The proverb 'laughter is the best medicine' is familiar to many of us. It would be helpful to teachers to think of its position in the context of teaching and learning. Humour is a Latin word, which means fluid or liquid (Martin, 2007). Broadly speaking, humour is anything that makes a person laugh.

Humour helps students to retain information, increase interest in a subject and provides a comfortable learning environment (Gorham & Christophel, 1990). Humour could be used to reduce tension, facilitate self-disclosure and overcome embarrassment. Many teachers have admitted that humour helps to build rapport with their students.

Though humour has the ability to break down barriers, if used inappropriately it could create more barriers. For example, when a teacher tells a joke to liven up the class, it enhances the learning. On the other hand, name calling and stereotyping students, could cause students to distance themselves for fear of being the joke item (Beilke, 1998). Nevertheless Lewis (2010) posited that if used discreetly humour could reduce the communication barrier between a teacher and his students.

Table 1 depicts the types of humour. Though most of the humour categories are suitable, teachers should avoid using personal anecdotes or stories. Teachers must stay away from self-deprecating humour. Unfortunately many teachers like to make fun of students under the pretext of humour. Thus suitability of humour in teaching and learning varies between a teacher and students (Neuliep, 1991).

Usage of humour in the classroom requires tactfulness on the part of the teacher. A few guidelines which could be used are as follows:

1. Use humour in a style that is comfortable

A teacher should use a style which he/she is most comfortable with. For example telling a joke requires the ability to speak at a comfortable and authoritative pace. Verbal emphasis and pauses must be used interchangeably to increase the impact of the joke. Most importantly, the teacher must have a clear idea where he/she intends to bring the joke. If the joke could be ended with a punch line, then learning would take place even faster.

2. Content of humour

Teachers should incorporate humour and weave it in what students are already learning. This would ensure humour does not derail the learning objectives. Time taken by the 'humour' should not diminish students' learning.

3. Pay attention

In any humour context, the audience plays a crucial role. Thus, a teacher should look out for the reaction of his/her students when using humour. For example, when telling a joke, if the students are not responding, the teacher should ask himself what went wrong. It could be that students did not comprehend the joke.

In a nutshell, humour will not only enhance learning, but teachers who use it are more positively rated by their peers (Garner, 2003). In some instances, teachers especially those without the skills, are envious of teachers who are able to incorporate humour in the classroom. Incorporating humour in the classroom requires practise. It is not something which is unattainable!

Reference

- Beilke, D. (1998). Humor and the performance of identity in Zora Neale Hurston's *Jonah's gourd vine*. *Southern Quarterly*, 36(3), 13-21.
- Garner, R. (2003). Which came first, the chicken or the egg? A foul metaphor for teaching. *Radical Pedagogy*, 5(2).
- Gorham, J., & Christophel, D. (1990). The Relationship Of Teachers' Use Of Humor In The Classroom To Immediacy and Student Learning. *Communication Education*, 39, 46-62.
- Lewis, T. E. (2010). Paulo Freire's Last Laugh: Rethinking critical pedagogy's funny bone through Jacques Rancière. *Educational Philosophy and Theory*, 42(5-6).
- Martin, R. A. (2007). *The psychology of humor: An integrative approach*. London: Elsevier Academic Press.
- McCauley, C., Woods, K., Coolidge, C., & Kulick, W. (1983). More aggressive cartoon are funnier. *Journal of Personality and Social Psychology*, 44(4), 817-823.
- Neulip, J. P. (1991). An examination of the content of high school teachers' humor in the classroom and the development of an inductively derived taxonomy of classroom humor. *Communication Education*, 40, 343-355.

You are a humorous person **if**

- you regularly tell jokes and funny stories when in a group.
- people usually laugh when you tell jokes or funny stories.
- you can be funny without having to rehearse a joke.
- being funny is a natural communication style with you.
- your friends would say you are a funny person.
- you can easily remember jokes and stories.
- people often ask you to tell jokes or stories.
- you tell stories and jokes very well.
- of all the people you know, you are one of the funniest.
- you use humor to communicate in a variety of situations

Adapted from: Booth-Butterfield, S. & Booth-Butterfield, M. (1991). The communication of humor in everyday life: Individual differences in the use of humorous messages. *Southern Communication Journal*, 56, 205-218.

BULETIN PENYELIDIKAN

BULETIN PENYELIDIKAN adalah satu penerbitan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) sejak Oktober 2003. Buletin ini diterbitkan sebanyak dua kali setiap tahun. Penerbitan Buletin Penyelidikan adalah satu usaha bagi menggalakan penulisan ilmiah dalam kalangan pensyarah di IPGKIK disamping menjadi *platform* untuk mencetus dan menyebarkan idea-idea bernas serta berkongsi pengalaman dalam kalangan para pendidik untuk kepentingan institusi pendidikan dan seterusnya meningkatkan profesionalisme keguruan. Buletin Penyelidikan kini merupakan satu penerbitan berdaftar dan telah memperolehi nombor ISSN: 2232—1853 pada tahun 2012.

Penerbitan Pertama Oktober 2003. Penerbitan kedua puluh Jun 2013.

Buletin Penyelidikan menerbitkan artikel dwibahasa, iaitu artikel yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pelbagai jenis artikel atau penulisan dimuatkan dalam buletin penyelidikan ini, ianya termasuklah artikel yang berbentuk penulisan ilmiah, artikel yang berasaskan pengalaman atau yang berasaskan penyelidikan, ulasan buku, ulasan sumber berbentuk elektronik seperti tayangan video atau tayangan gambar. Kesemua artikel hendaklah berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, pengurusan pendidikan dan isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan. Sumbangan artikel adalah terbuka kepada warga IPGKIK.

EDITOR:

Pn Santhi Periasamy
 Pn Jeya Velu
 En Ramesh Rao, PhD
 En Ismail Raduan, PhD
 En Rajagopal Ponnusamy, PhD
 Cik Grace Chang Siew Yeng
 Pn Munira binti Mohsin, PhD
 En Azhar bin Md. Sabil, PhD
 Datin Rohana binti Rahmat, PhD
 Cik Eleanor Ann Tan Lye Neo
 Pn Norherani binti Moning, PhD
 Pn. Rosei Sheerin binti Mahpor
 Pn. Zuraidah binti Yazid
 En Ooi Yek Hwa
 Pn. Vijayaletmy a/p Muniyandi
 Pn. Faridah Anum binti Abd. Wahid
 En Parwazalam bin Abdul Rauf, PhD
 Cik Nik Rozalind binti Nik Hassan
 En Mohd. Khamdani bin Sairi, PhD

Bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang sumbangan artikel untuk penerbitan dalam Buletin Penyelidikan, sila hubungi pihak editor di alamat yang berikut:

Jawatankuasa Buletin Penyelidikan
 Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme
 Keguruan
 Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas
 Jalan Yaacob Latif,
 56000 Kuala Lumpur
 Talian: 03-91318160 sambungan 50;
 email: jeya@ipik.edu.my